

Nilai mulia azam 1994: PM

01 JAN 1994

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat menjadikan tekad mengamalkan nilai mulia dan mengelak sikap keterlaluhan sebagai azam tahun baru dalam usaha membangunkan negara serta membina kehidupan moden.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berharap semua pihak menginsafi tragedi Pangsapuri Highland Towers, Hulu Klang, yang runtuh 11 Disember lalu sebagai suatu pengajaran.

"Setiap sesuatu yang berlaku tetap mempunyai pengajaran. Kita percaya demikian jugalah dengan tragedi itu. Hari ini kita semua sedar akan pentingnya kita mengambil kira segala kemungkinan apabila membuat sesuatu.

"Pada permulaan tahun 1994 ini, marilah kita memperbaharui azam untuk mengamalkan nilai-nilai mulia supaya dapat kita membangunkan negara kita, Malaysia, Insya-Allah," katanya dalam perutusan tahun baru 1994, disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), malam ini.

Dr Mahathir berkata, tindakan susulan oleh kerajaan berikutan tragedi itu

ialah mengambil pelbagai keputusan dan tindakan yang dipercayai boleh menolong mengelak kejadian seumpama itu berulang.

"Tetapi hendaklah kita mengelak daripada sikap yang keterlaluhan terhadap bangunan tinggi atau kemudahan moden lain. Sebagai bangsa yang waras kita harus berani meneruskan pembangunan negara kita.

"Kita akan berhati-hati dan akan mengambil segala tindakan yang diperlukan. Tetapi kita tidak akan lari daripada cabaran pembangunan negara moden," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, rakyat harus insaf dan bersyukur kerana dijauhi penderitaan akibat peperangan, persengketaan kaum atau perang saudara. Sebaliknya mereka hidup makmur dan terus maju.

Menurutnya, keadaan aman, stabil, tenteram, makmur dan kemajuan yang dinikmati bukan wujud secara kebetulan sebaliknya atas kegigihan serta kerjasama semua pihak iaitu rakyat, kerajaan, pekerja dan pengusaha.

Penggabungan padu semua pihak, katanya, membolehkan Malaysia mencapai prestasi yang terus menggalakkan di semua bidang sepanjang 1993.

"Bagaimanapun, kita akan mengha-

dapi lebih banyak cabaran pada masa hadapan. Tetapi sebagai negara yang ingin maju dan dihormati, rakyat harus menyediakan diri di samping membentuk dan mengamalkan budaya yang tahan cabaran," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara ini mempunyai falsafah tersendiri dan sangat berbeza dengan budaya masyarakat Barat atau negara komunis dalam soal memiliki harta dan kekayaan.

Suatu ketika, katanya, Barat mempunyai masyarakat kapitalis kerana menganggap pemodal sebagai orang terpenting, terlalu tamak dan tidak menghargai peranan serta pengurusan sehingga mencetuskan revolusi komunis dan sosialis.

"Masyarakat sosialis dan komunis terlalu mengutamakan pekerja juga tidak mendatangkan kejayaan dan keadilan. Hari ini, di Barat muncul pula masyarakat yang terlalu menghargai pengurus kerana kononnya penguruslah yang menjayakan segala perniagaan dan perusahaan.

"Dengan itu, mereka menuntut gaji yang amat tinggi dengan bonus opsyen saham dan faedah atau 'perks' yang lain," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia

LIHAT MUKA 2

Nilai mulia azam 1994

DARI MUKA 1

mempunyai falsafah yang tersendiri dan memberi kebebasan yang sepatutnya kepada semua pihak.

"Kita percaya semua pihak, daripada pekerja kasar kepada pengusaha, pemodal, ahli politik dan pengurus mempunyai peranan. Peranan mereka tidaklah sama tetapi mereka semua tetap menyumbang kepada apa jua kemajuan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, falsafah pengurus Barat yang tamak sudah meresap ke negara ini kerana ada yang menuntut gaji dan keistimewaan sehingga sesetengahnya meminta dibayar pelbagai upahan bernilai RM2 juta setahun.

"Sebenarnya pengurus yang tamak seperti inilah menyebabkan syarikat gergasi di Amerika Syarikat gagal dan bankrap.

"Nasib yang malang inilah juga akan melanda syarikat di negara ini jika pengurus dan pengarah urusan menuntut gaji terlalu tinggi," katanya.